

NAFKAH BAGI ISTERI BEKERJA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Oleh: Fatimah binti Ali*

Abstrak

Rumahtangga adalah batu bata dalam pembinaan masyarakat. Jika rumahtangga bahagia dan harmoni, masyarakat akan menjadi aman dan tenteram. Untuk menjamin keharmonian rumahtangga, kombinasi tuntutan meterial dan kerohanian perlu dipenuhi. Artikel ini akan mengupas tentang perspektif Islam terhadap tanggungjawab suami dalam menunaikan nafkah kepada isterinya yang bekerja di luar rumah.

Pendahuluan

Kehidupan dalam dunia yang serba canggih memerlukan perbelanjaan yang banyak. Lebih-lebih lagi jika mahu hidup ceria dan selesa, memiliki pelbagai alat bantu di rumah dan di luar rumah. Rumah tangga yang bersih, lapang dan selesa menjadikan hati lapang dan selesa untuk mengabdikan diri kepada Allah. Oleh itu anak-anak muda yang ingin mendirikan rumah tangga biasanya memilih pasangan berada atau bekerja supaya mereka dapat tolong menolong dalam mengurus rumah tangga.

Selain itu mereka juga perlu melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu mengenai rumah tangga dan keluarga seperti tanggungjawab suami terhadap isteri, tanggungjawab isteri terhadap suami, tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak serta tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa dan hak-hak masing-masing. Ini kerana hak dan tanggungjawab berjalan seiring. Jika ada tanggungjawab yang dilaksanakan maka ada hak yang boleh dituntut. Sebaliknya jika tanggungjawab tidak terlaksana maka tiada hak yang dapat dituntut. Kejahilan mengenai perkara ini biasanya menyebabkan tanggungjawab dan hak tidak terlaksana, seterusnya rumahtangga menjadi pincang. Hal ini menyebabkan kursus perkahwinan diwajibkan ke atas calon-calon yang ingin melangsungkan perkahwinan.

* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri.

1. Pengertian Nafkah

Nafkah dari segi bahasa bermaksud mengeluarkan dan membelanjakan iaitu tiap-tiap sesuatu yang dibelanjakan oleh seseorang kepada seorang yang lain.¹ Menurut istilah ahli fekah nafkah bererti belanja atau sara hidup yang dikeluarkan oleh seseorang kepada orang yang layak menerima pembiayaan daripadanya seperti isteri dan anak-anak yang di bawah tanggungannya. Memberi nafkah kepada isteri bermaksud memberi sesuatu yang diperlukan oleh isteri seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, perkhidmatan pembantu rumah, perubatan dan seumpamanya walaupun isteri tersebut seorang yang berada dan berkemampuan.²

Nafkah isteri yang diwajibkan ke atas suami berdasarkan nas syarak hanya meliputi makanan, pakaian dan tempat tinggal. Walau bagaimanapun dalam perbincangan para ahli fekah (*fuqaha'*) nafkah bukanlah terhad kepada tiga perkara asas di atas. Termasuk juga dalam pengertian nafkah segala keperluan sampingan isteri yang lain seperti pembantu rumah, perkakas rumah, alat kebersihan dan rawatan kesihatan. Namun demikian *fuqaha'* tidak sependapat dalam menentukan kewajipan suami menyediakan nafkah sampingan tersebut.³

Keperluan-keperluan isteri perlu disediakan oleh suami selama mana perkahwinan berlangsung dan tidak berlaku sebab-sebab yang menggugurkan kewajipan tersebut. Nafkah yang dikeluarkan hendaklah dalam perkara yang diharuskan oleh syarak serta dapat diterima oleh adat kebiasaan sesuatu masyarakat. Ia hendaklah datang dari sumber yang halal dan hanya dikeluarkan untuk perkara-perkara yang memberi manfaat dan berfaedah sahaja.⁴

2. Bukti Pensyariatan Nafkah

Nafkah isteri merupakan satu ketetapan yang diwajibkan ke atas suami berdasarkan al-Qur'an, hadis dan rasional. Bukti al-Qur'an ialah firman Allah:

﴿وَالْوَالِدَتُ بُرْصَعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ
يُيَمِّمَ الرِّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ
لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا﴾

Ertinya: "Dan ibu-ibu kendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya".

Surah al-Baqarah (2): 233

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وَجْدِكُمْ وَلَا تُضَارُّوهُنَّ
لِتُضَيِّقُوا عَلَيْهِنَّ

Ertinya: "Tempatkanlah (isteri-isteri yang menjalani iddahnya) di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu. Dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu)".

Surah al-Talaq (65): 6

لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِّنْ سَعَتِهِ ۖ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا
آتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَّا آتَاهَا سَيِّجَعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا

Ertinya: "Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. Dan sesiapa yang disempitkan rezekinya maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah. Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. Orang-

orang yang dalam kesempitan (hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan”.

Surah al-Talaq (65): 7

Nas-nas al-Qur'an di atas menunjukkan kewajipan suami menanggung nafkah isteri meliputi makanan, pakaian dan tempat tinggal tanpa mengira kedudukan isteri sama ada kaya atau miskin. Ayat-ayat al-Qur'an di atas juga menjelaskan bahawa Allah tidak membebani suami menyediakan nafkah melainkan mengikut kemampuan dan rezeki yang dikurniakan Allah kepadanya.⁵ Kadar nafkah adalah menurut kemampuan suami. Sebab itu seseorang perempuan berhak untuk memilih pasangan yang setaraf dengannya. Antara perkara-perkara yang diambil kira dan menjadi ukuran ialah keturunan, harta, pekerjaan, sejahtera daripada keaipan dan umur.⁶

Bukti hadis pula antaranya ialah:

عن عائشة رضي الله عنها قالت: دخلت هند بنت عتبة امرأة أبي سفيان على رسول الله صلى الله عليه وسلم فقالت: يا رسول الله إن أبا سفيان رجل شحيح لا يعطيني من النفقة ما يكفيني ويكفي بني إلا ما أخذت من ماله بغير علمه فهل عليّ من جناح؟ فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: خذي من ماله بالمعروف ما يكفيك ويكفي بنيك

7

Selain itu para ulama juga sependapat tentang kewajipan suami menyediakan nafkah isteri apabila mencukupi syarat-syarat mewajibkan nafkah dan tiada sebab menggugurkan kewajipan tersebut.⁸ Daripada nas-nas al-Qur'an dan hadis di atas jelas menunjukkan kewajipan nafkah isteri ke atas suami dengan menyediakan segala keperluan isteri merangkumi makanan, pakaian dan tempat kediaman mengikut kebiasaan yang diamalkan oleh masyarakat setempat. Kadar nafkah pula tidak ditentukan melainkan secara makruf iaitu mengikut keperluan dan hajat isteri bergantung kepada keadaan kebiasaan dan adat sesuatu tempat.

Kewajipan suami memberi nafkah juga merupakan sesuatu yang rasional. Ini kerana di dalam kehidupan berumahtangga isteri menyerahkan diri sepenuhnya kepada suami untuk menunaikan kewajipan atau hak-hak suami ke atas dirinya. Ketaatan, pengorbanan dan curahan tenaga yang diberikan oleh isteri untuk kebaikan dan faedah suami dalam mengurus rumahtangga perlu diberi balasan. Oleh itu suami berkewajipan menyediakan keperluan isteri iaitu nafkahnya sebagai balasan ke atas penyerahan dan pengorbanan diri isteri untuk kemanfaatan suaminya selama mana perkahwinan di antara mereka berlangsung dan tidak berlaku faktor-faktor yang menggugurkan kewajipan tersebut.⁹

3. Sebab Wajib Nafkah

Menurut jumhur *fuqaha'* kewajipan nafkah isteri bukan semata-mata disebabkan akad perkahwinan yang sah tetapi juga disebabkan wujud keterikatan dan penyerahan diri isteri terhadap suaminya dengan sentiasa mentaati suami.¹⁰

Antara punca ketenangan suami ialah keberadaan isteri di sampingnya. Allah berfirman:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٣٠﴾

Ertinya: "Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki) isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya. Dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir".

Surah al-Rum (30): 21.

Tinjauan penulis sendiri mendapati kebanyakan isteri mengatakan sanggup berhenti kerja jika suami bertanggungjawab dan mampu menanggung nafkah keluarga. Ini mungkin kerana mereka dibekalkan dengan perasaan kasih sayang dan belas kasihan seperti yang disebut dalam ayat di atas. Hasrat ini memang sesuai dengan ajaran Islam di mana para sarjana Islam sependapat mengatakan jika pendapatan suami sudah mencukupi untuk membiayai perbelanjaan keluarga dan dia tidak membenarkan isteri keluar bekerja, maka isteri haram mengingkari larangan tersebut.¹¹

Keberadaan isteri di samping suami memudahkannya melaksanakan tanggungjawab terhadap suami. Antara hak suami yang menjadi tanggungjawab isteri ialah mentaati suami atau menyerahkan diri kepada suami secara sempurna (*ihtibas kamil*) sama ada pada waktu siang atau malam. Sebagai balasan *ihtibas kamil* kepada suami, isteri berhak mendapat nafkah. Jadi nafkah merupakan hak isteri yang dipertanggungjawabkan ke atas suami. Penglibatan isteri dalam kerjaya di luar rumah boleh menjejaskan hak suami, terutama jika terlibat dalam pekerjaan yang boleh memberi kesan sampingan terhadap kesihatan dan keterampilannya.¹²

Ada juga di kalangan suami yang pada peringkat permulaan membenarkan isteri keluar bekerja, tidak berapa lama kemudian dia menarik balik keizinannya. Dalam hal ini jika isteri berdegil dan tidak mahu berhenti kerja, dia dianggap derhaka (*nusyuz*) dan tidak berhak mendapat nafkah dari suami menurut sebahagian ulama.¹³ Jika suami telah membenarkan isterinya bekerja di luar rumah dalam tempoh yang agak lama selepas berkahwinpun, sebahagian ulama berpendapat, suami masih lagi berhak untuk meminta isterinya berhenti kerja. Tetapi sebahagian yang lain berpendapat dalam hal ini suami tidak lagi berhak untuk menghalang isterinya daripada terus bekerja dan isteri juga berhak untuk mendapat nafkah dari suami.¹⁴

Dalam memilih pekerjaan ada isteri yang terlibat dengan pekerjaan yang dilakukan di rumah sendiri seperti menjahit pakaian, menenun pakaian dan lain-lain. Dalam hal ini para ulama berpendapat, suami tidak boleh menghalang isteri daripada melakukan pekerjaan seperti itu. Isteri tidak dianggap *nusyuz* jika meneruskan pekerjaan tersebut. Dia juga berhak mendapat nafkah daripada suaminya. Ini kerana

isteri tidak mengurangkan penyerahannya kepada suami dan dia tidak keluar rumah kerana pekerjaannya. Tetapi jika pekerjaan tersebut boleh mendatangkan kemudharatan dan menjejaskan keterampilan isteri maka suami berhak menghalang atau memberi tunjuk ajar (*ta'dib*).¹⁵

Di kalangan wanita ada yang bekerja sejak masih gadis lagi. Sambil bekerja ada yang menyambung pelajaran atau mengikuti pelbagai kursus sehingga mereka menjadi bertambah maju dalam kerjayanya. Wanita seperti ini mungkin terfikir untuk meletakkan syarat dalam akad nikah bagi membolehkan mereka terus terlibat dalam pekerjaan di luar rumah. Syarat seperti ini menurut Mazhab Hanafi tidak sah.¹⁶ Akad nikah tidak terbatal dengan syarat demikian. Suami berhak menegah isteri dari melibatkan diri dalam pekerjaan. Jika isteri ingkar maka dia dianggap melakukan *nusyuz* dan tidak berhak mendapat nafkah dari suami. Dalam hal ini mazhab Syafi'i dan Hanafi sependapat bahawa isteri tidak berhak untuk keluar bekerja tanpa keizinan dan kercelaan suaminya.¹⁷

Tentang meletakkan syarat dalam akad, Mazhab Maliki berbeza pendapat. Menurut mazhab Maliki isteri boleh meletakkan syarat dia boleh meneruskan penglibatannya dalam pekerjaan di luar rumah walaupun selepas berkahwin, semasa akad perkahwinan berlangsung. Syarat tersebut sah menurut mazhab ini. Tetapi perbuatan tersebut dianggap makruh kerana ia boleh memberi kesan buruk terhadap suami dalam pergaulan mereka.¹⁸

Mazhab Syafi'i dan Hanbali sependapat dengan Mazhab Maliki dari segi sah syarat isteri semasa akad untuk terus bekerja selepas kahwin. Jika syarat tersebut dilafazkan semasa akad berlangsung, suami tidak berhak menghalang isteri untuk meneruskan pekerjaannya. Isteri berhak mendapat nafkah dari suami selama pekerjaan yang diceburi memenuhi kehendak kemaslahatan keluarga. Suami hanya berhak menghalang isteri jika pekerjaannya tidak memenuhi kehendak tersebut.¹⁹

Namun sarjana perundangan kontemporari seperti Dr 'Abd.al-Fattah 'Amr mempunyai pandangan berbeza dengan ulama terdahulu tentang pekerjaan wanita. Menurut 'Abd.al-Fattah terdapat pekerjaan yang memerlukan penglibatan wanita secara khusus seperti tenaga pengajar anak-anak perempuan dan pegawai perubatan sakit puan.

Pekerjaan seperti ini dianggap memenuhi keperluan asasi (*daruri*) dan keperluan yang mendesak (*hajah mulihhah*).²⁰

Menurut sarjana perundangan kontemporari, isteri yang melakukan pekerjaan seperti di atas tidak perlu mendapatkan keizinan suami terlebih dahulu. Dalam hal ini dia tidak dianggap melakukan *nusyuz* yang menghalangnya mendapat nafkah dari suami sekalipun pekerjaannya tidak direstui oleh suami. Ini kerana tidak ada nas secara jelas yang menunjukkan isteri berhak atau tidak mendapat nafkah kerana melibatkan diri dalam kerjaya.²¹

4. Isteri Dan Suami Bertukar Peranan

Dari perbincangan mengenai syarat yang membolehkan wanita keluar bekerja dapat difahami bahawa pekerjaan isteri bukanlah bertujuan menanggung nafkah keluarga. Namun demikian pasangan yang berumah tangga ada kalanya isteri lebih produktif daripada suami dari segi ekonomi. Contohnya jika isteri mempunyai ijazah atau kelayakan yang lebih tinggi daripada suami. Hal ini mendorong mereka untuk bertukar peranan; suami mengurus rumah dan isteri mencari nafkah.

Fenomena lelaki meninggalkan kerjaya dan menjadi 'suri rumah' manakala isteri keluar bekerja serta menyara keluarga, semakin diterima di kalangan masyarakat khususnya di bandar-bandar besar di negara ini. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, kementeriannya menyedari fenomena tersebut tetapi yang paling mustahak ialah setiap pasangan membuat pilihan sendiri untuk menjalani kehidupan sedemikian. Katanya, kementeriannya tidak mempunyai statistik mengenai trend tersebut tetapi melalui pemerhatian beliau sendiri, fenomena ini yang jarang berlaku pada masa dahulu, kini sudah semakin menular dalam masyarakat Malaysia.²²

Bagaimanapun dalam Utusan Malaysia 15 Mei 2006 Shahrizat berkata, isu suami menjadi suri rumah manakala isteri keluar mencari rezeki bukanlah budaya kaum lelaki negara ini. Suami menjadi suri rumah adalah kes terpencil malah kaum lelaki di Malaysia masih mengutamakan peranan sebagai imam di rumah dan bertanggungjawab mencari nafkah untuk keluarga.²³

Shahrizat sebagai seorang menteri yang membela nasib golongan wanita berkata, seelok-eloknya suami keluar bekerja mencari rezeki untuk isteri dan anak-anak. Tanggungjawab seorang lelaki selain menjadi pelindung dan rakan kongsi seorang wanita ialah dia juga harus mencari nafkah untuk keluarga melainkan dia sakit dan tidak berupaya bekerja. Tidak ada sebab untuk lelaki tidak bekerja kecuali malas. Ia adalah sesuatu yang memalukan. Kebanyakan lelaki yang menjaga anak-anak, menurut pendapat Shahrizat, itu adalah pilihan terakhir. Menurutnya lagi, di Malaysia sebab utama mendesak lelaki memilih menjadi suri rumah ialah kerana mereka jatuh sakit sehingga tidak berupaya bekerja. Perkara kedua ialah isteri mempunyai pendapatan yang lebih tinggi daripada suami.²⁴

Penulis dapati ada lelaki yang mempunyai isteri yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu. Hal ini membolehkannya bekerja dan mendapatkan pendapatan yang lumayan. Manakala suami pula tidak berpelajaran tinggi, tiada kepakaran dalam apa-apa bidangpun. Kalau suami bekerja pendapatannya tidak seberapa. Oleh itu isteri sanggup untuk keluar bekerja, manakala suami pula bersetuju untuk melakukan kerja-kerja rumah, di samping mengurus anak-anak serta menghantar dan menjemput isteri dari tempat kerja. Mereka hidup aman damai. Kalau kes-kes seperti ini menjadi berleluasa bayangkanlah apa yang akan berlaku kepada masyarakat Malaysia. Perkara seperti ini tidak mustahil. Lebih-lebih lagi dewasa ini bilangan pelajar perempuan mengatasi bilangan pelajar lelaki. Hal ini terjadi di seluruh IPT awam dan swasta. Ia terkandung dalam statistik yang dilaporkan oleh wakil menteri Pengajian Tinggi dalam satu wawancara di TV 3 beberapa hari yang lalu.

Bagaimanapun menurut Shahrizat kementeriannya akan menyerahkan kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan untuk memutuskan sama ada fenomena isteri bekerja dan suami mengambilalih tugas rumahtangga bercanggah daripada segi hukum syarak ataupun tidak. Ini kerana ia berkaitan dengan agama.²⁵

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang juga merupakan Setiausaha Jawatankuasa Muzakarah Fatwa Kebangsaan Datuk Mustafa Abdul Rahman berkata, dari segi hukum syarak tidak salah jika suami mengurus rumah tangga. Tetapi peranan itu perlulah

bersifat sementara kerana tanggungjawab hakiki seorang suami ialah mencari nafkah keluarga. Dalam Islam, tidak salah suami mengurus rumahtangga ketika isteri keluar bekerja. Begitu juga ketika suami tidak ada pekerjaan. Tetapi peranan itu hanya bersifat sementara sehingga dia mendapat pekerjaan. Islam dengan jelas telah menggariskan peranan suami dan juga isteri, justeru itu fenomena suami menjadi suri rumah, manakala isteri keluar mencari rezeki tidak timbul.²⁶

Persoalan di atas turut disentuh oleh Mufti Johor, Datuk Noh Gadut. Beliau menyifatkan fenomena suami menjadi suri rumah, manakala isteri mencari nafkah sebagai fenomena songsang yang wajar dihentikan kerana ia jelas melanggar hukum syarak. Menurut Noh, keadaan itu jika berterusan boleh menyebabkan sesuatu perkahwinan tidak beroleh keberkatan. Menurutnya tanggungjawab suami sebagai pemimpin dan pencari nafkah keluarga jelas dinyatakan dalam al-Qur'an, Surah al-Baqarah, ayat 233. Bagaimanapun katanya jika perkara ini dalam keadaan darurat seperti suami berpenyakit, ia perlu diredai oleh isteri serta disertai tolak ansur. Beliau berkata:

"Islam memandang serius fenomena lelaki menjadi pengurus rumah tangga kerana ia didapati lari daripada fungsi sebenar suami. Tindakan ini tidak tepat kerana menyempang jauh daripada hukum Islam yang akhirnya dikhuatiri menyebabkan rumah tangga tidak tenteram".²⁷

Dalam satu majlis forum (mengenai "Tanggungjawab Suami Isteri Dalam Menentukan Survival Rumahtangga"), yang diadakan di Kuala Lumpur sekitar awal tahun 2002, pesertanya terdiri daripada golongan tentera, lelaki dan perempuan, penulis bertanya para peserta seminar tentang pendapat mereka mengenai isteri dan suami bertukar peranan. Kebanyakan mereka menyuarakan perkara tersebut tidak patut biarkan. Kita tidak mahu Malaysia mempunyai imej seperti itu. Kalau imej yang sebegitu hendak dielakkan, muda mudi perlu diajar dan dididik untuk memahami peranan dan tanggungjawab mereka terhadap keluarga dan rumahtangga sebagai suami dan isteri pada masa akan datang. Ini kerana boleh dikatakan tidak ada teruna dan gadis yang waras akalnya tidak bercita-cita untuk mendirikan rumah tangga.

5. Diskriminasi Dalam Pendidikan

Daripada pemerhatian penulis, di bandar-bandar ibu bapa sibuk dengan pekerjaan. Anak-anak jarang terdidik dengan agama, kebanyakannya bebas bergaul. Apabila berumahtangga, mereka tidak memahami hak-hak dan tanggungjawab masing-masing sebagai suami isteri. Ada yang terbawa-bawa dengan kebebasan bergaul yang menjadi resam hidup di bandar. Bagaimana mereka boleh menjadi suami dan isteri yang bertanggungjawab sedangkan kewajipan masing-masing tidak difahami?.

Di kampung-kampung pula ada kalangan ibu bapa yang tidak adil dalam mendidik anak-anak lelaki dan perempuan. Anak-anak perempuan diasuh dengan penuh disiplin. Mereka diajar melakukan kerja-kerja rumah seperti memasak dan mengemas rumah. Mereka dipantau sepanjang masa, tidak dibenarkan keluar rumah kecuali untuk tujuan tertentu yang dipersetujui oleh ibu bapa, lebih-lebih lagi pada waktu malam. Sebaliknya anak-anak lelaki dibiarkan bebas. Kalau makan di rumahpun tidak semestinya cuci pinggan, jauh lagi daripada menolong melakukan kerja-kerja rumah. Bilik tidurnya sendiripun dikemaskan oleh ibu atau adik beradik perempuannya. Pakaian mereka juga dicuci oleh orang lain. Mereka bebas berkawan. Malah kadang-kadang pulang lewat malam atau tidur di rumah kawan.

Hal tersebut membolehkan anak perempuan menumpukan perhatian kepada pelajaran, keputusan peperiksaan mereka lebih cemerlang berbanding anak lelaki. Anak perempuan menjadi lebih berdisiplin dan lebih bertanggungjawab terhadap keluarga walaupun setelah mendirikan rumahtangga. Sebaliknya anak-anak lelaki pula ada yang menjadi kurang berdisiplin dan pelajarannya merosot. Hal ini juga menjadi salah satu faktor yang menyebabkan bilangan mahasiswi di institusi pengajian tinggi lebih ramai daripada bilangan mahasiswa sehingga timbul cadangan supaya ditentukan kuota di universiti untuk lelaki dan perempuan.

Diskriminasi dalam pendidikan keluarga antara anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan juga memberi kesan kepada hubungan kekeluargaan. Setelah mendirikan rumah tangga anak-anak perempuan

masih mempunyai hubungan yang intim dengan keluarganya sendiri, sehingga ibu bapa isteri merasa bebas berada di rumah anak perempuannya. Sebaliknya ibu bapa suami merasa tidak bebas berada di rumah anak lelaki. Kalau isteri sanggup membiayai rumahtangga suami akan lepas tangan. Kadang-kadang ada isteri yang merasa terpaksa membiayai rumahtangga kerana sukar mendapatkan wang daripada suami terutama bagi isteri yang bekerja. Inilah realiti nafkah isteri bekerja dalam masyarakat kini. Walaupun Islam telah menentukan nafkah isteri termasuk yang bekerja adalah tanggungjawab suami, namun terdapat juga di sana sini isteri yang sanggup berkorban bukan sekadar menyara diri malah menyara keluarga juga termasuk suami.

6. Penutup

Islam mewajibkan suami menanggung nafkah isteri termasuk yang bekerja. Maksud nafkah ialah keperluan isteri seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, keperluan perubatan dan seumpamanya menurut kemampuan suami. Kewajipan suami memberi nafkah kepada isteri difahami daripada ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Nabi Muhammad s.a.w.. Nafkah isteri diwajibkan ke atas suami kerana penyerahan diri dan ketaatannya kepada suami. Namun terdapat juga suami dan isteri yang bertukar peranan; di mana isteri keluar mencari rezeki untuk keluarga dan sebagai gantinya suami mengurus anak-anak dan rumah tangga. Amalan ini tidak sesuai dengan suruhan agama. Oleh itu punca-punca ke arahnya perlu dibenteraskan. Suami adalah ketua keluarga. Oleh itu mereka berkewajipan menanggung nafkah dan melindungi keluarga.

NOTA HUJUNG

- ¹ Muhammad 'Uqlah (Dr.) (1992), *Nizam al-Usrah fi al-Islam*. Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah, h. 89.
- ² 'Umar 'Abd Allah (1963), *Ahkam al-Syari'ah al-Islamiyyah fi Ahwal al-Syakhsiyyah*, T.T.P.: Dar al-Ma'arif, h. 332.
- ³ Al-Zuhaili, Wahbah (1989), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, j 7, Damsyiq: Dar al-Fikr, h. 798-808.
- ⁴ Muhammad al-Syarbini (t.t.), *Mughni al-Muhtaj 'ala Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, Beirut, Dar al-Fikr, h. 425.
- ⁵ Lihat Syaukani, Muhammad ibn 'Ali ibn Muhammad al- (t.t.), *Fath al-Qadir*, Beirut: , j. 1, h. 245. al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad ibn Jarir, *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an*, j. 2, Beirut: Dar al-Fikr, h. 495.
- ⁶ Mustafa 'Abd al-Ghani Syaibah, Dr (2001), *Ahkam al-Usrah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*, Livia: Jami'ah Sabha, h. 336-337.
- ⁷ Bukhari, Abu 'Abd Allah, Muhammad ibn Isma'il ibn Ibrahim ibn al-Mughirah al-Ja'fi al- (1987), *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Nafaqat, bab: Idha Lam Yunfiq al-Rajul.
- ⁸ Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abd Allah ibn Ahmad (1405 H.), *al-Mughni*, j. 8, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, h. 16.
- ⁹ Suzara binti Makpol (2003), *Nafkah Isteri Bekerja: Suatu Analisis Hukum*, (Disertasi Sarjana), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 24.
- ¹⁰ Lihat Abu Bakr ibn Mas'ud (1982), *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Syara'i'*, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, j 4, h. 18. Malik ibn Anas (t.t.), *al-Mudawwarah al-Kubra*, j. 2, Beirut: Dar al-Sadir, h. 254. 'Abd al-Fattah Muhammad Abu al-'Aynayn (t.t.), *al-Islam wa al-Usrah*, Qahirah: Maktabah al-'Alamiyyah, h. 409.
- ¹¹ 'Abd.al-Fattah 'Amr, Dr. (1998), *al-Siyasah al-Syar'iyyah fi al-Ahwal al-Syakhsiyyah*, Jordan: Dar al-Nafa'is, h. 88.
- ¹² *Ibid*.
- ¹³ Badran Abu al-'Aynayn Badran (t.t.), *al-Fiqh al-Maqarin li Ahwal al-Syakhsiyyah bayn al-Madhahib al-Arba'ah al-Sunniyyah wa al-Madhahib al-Ja'fariyyah wa al-Qanun*, j. 1, Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah, h. 241-242; 'Abd al-Majid Mahmud Matlub (Dr) (1995), *al-Wajiz fi Ahkam al-Usrah al-Islamiyyah*, Jizah: Ma'had al-Dirasat al-Islamiyyah, h. 172-173; Zaki al-Din Sya'ban (1989), *Ahkam al-Syari'ah li Ahwal al-Syakhsiyyah*, Jami'ah Qar Yunus, h. 319.
- ¹⁴ *Ibid*.
- ¹⁵ Badran Abu al-'Aynayn Badran (t.t.), *op. cit.*, h. 242.
- ¹⁶ Ibn 'Abidin (t.t.), *Hasyiah al-Radd al-Mukhtar 'ala al-Dur al-Muhtar*, j.2, Qahirah: Matba'ah al-Halabi, h. 891.
- ¹⁷ Zaki al-Din Sya'ban (1989), *op. cit.*, h.319.
- ¹⁸ *Ibid*, h. 320.
- ¹⁹ Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abd Allah ibn Ahmad (1983), *al-Mughni wa Syarh al-Kabir*, j 8, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 159; al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, j. 3, Beirut, Dar al-Fikr, h. 435.
- ²⁰ 'Abd.al-Fattah 'Amr, Dr. (1998), *op. cit.* h. 93.
- ²¹ *Ibid*.
- ²² *Utusan Malaysia*, "Lelaki Menjadi Suri Rumah Mula Diterima", 13 Mei 2006, h. 5.
- ²³ *Utusan Malaysia*, "Suami Menjadi Surirumah Kes Terpencil", 15 Mei 2006, h. 1 dan 2.
- ²⁴ *Ibid*.

²⁵ *Ibid.*

²⁶ *Utusan Malaysia*, "Suami Suri Rumah: Jawatankuasa Fatwa Bincang Jun", 15 Mei 2006, h. 2.

²⁷ *Ibid.*